

# BAB



# 1

## **GURU SEBAGAI PENYELIDIK**

### **PENGENALAN**

Sejak kebelakangan ini, pelbagai usaha telah dibuat untuk meningkatkan profesionalisme guru. Antaranya adalah meningkatkan kemahiran untuk melaksanakan penyelidikan pendidikan. Ramai dalam kalangan guru telah dibiayai untuk mengikuti program pasca sarjana di dalam dan luar negara supaya mereka akan dapat memanfaatkan ilmu dan membudayakan penyelidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia kini mempunyai bahagian penyelidikan yang mempunyai unit penyelidikan. Antaranya adalah bahagian pendidikan guru, pusat perkembangan kurikulum, lembaga peperiksaan negara dan bahagian teknologi pendidikan selain daripada bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan. Malahan, lembaga peperiksaan negara mempunyai unit psikometriknya sendiri. Kita juga mempunyai pusat-pusat penyelidikan seperti RESCAM, turut menjalankan penyelidikan.

Kepentingan penyelidikan sangat dititikberatkan oleh Malaysia hingga tiga buah universiti telah dijadikan universiti penyelidikan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya. Konsep iniversiti penyelidikan bermakna penyelidikan merupakan peranan universiti sama ada melalui aktiviti penyelidikan mahupun program yang disediakan. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, peranan penyelidikan dalam pendidikan kini semakin jelas arah tujuhnya. Kini semakin disedari dan diakui bahawa sudah tiba masanya untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan sebagai unsur penting ke arah pendidikan seumur hidup, kecemerlangan pendidikan, konsep tanpa cacat dan pendidikan bertaraf dunia (Subahan, 1998). Selain itu, kegiatan penyelidikan juga adalah penting sama ada untuk kebaikan organisasi formal atau non-formal kerana penyelidikan merupakan satu daripada pra-syarat ke arah mencapai kecemerlangan. Oleh itu, kegiatan penyelidikan perlu diberi keutamaan dan dilaksanakan dalam semua peringkat sistem pendidikan di Malaysia.

Penyelidikan dalam pendidikan dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan dan pembangunan potensi intelek, rohani, emosi dan jasmani murid dan pelajar serta membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi di dalam dan luar sekolah. Kajian terhadap amalan pengajaran atau pedagogi yang diamal oleh guru dapat membantu guru menyelesaikan masalah pendidikan dan mengambil tindakan penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan pengajaran termasuk dalam pengurusan dan pentadbiran pendidikan. Peranan pengamal termasuk guru dalam kerja mereka sangat penting. Oleh sebab itu, guru-guru digalakkan membuat penyelidikan dalam amalan pengajaran, membuat refleksi dan mengambil tindakan penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan yang mana pengamal turut serta secara aktif dalam penyelidikan secara individu, kolaboratif dengan rakan sejawat atau bersama dengan bantuan seorang pakar dikenali penyelidikan tindakan. Pelbagai nama lain telah diberi pada penyelidikan tindakan seperti 'guru sebagai penyelidik' (Cochran-Smith and Lytle, 1993), 'amalan reflektif', 'pengajaran reflektif' dan 'berorientasi inkuiri'.

*.....one consequence of this phenomena is that term such as 'action research', 'reflective teaching', 'reflection-in-action', 'teacher as researcher' and 'research-based' or 'inquiry-oriented' teacher education have now become fashionable throughout all segments of the US and Canadian teacher education communities.*

## **PENYELIDIKAN TINDAKAN DAN KECEMERLANGAN PENDIDIKAN**

Bidang penyelidikan pendidikan adalah luas. Cohen dan Manion (1985); T. Subahan (1995) dan McMillan (1993) telah membincangkan pelbagai kaedah penyelidikan yang boleh digunakan dalam bidang pendidikan. Secara umumnya, penyelidikan dapat dibahagikan kepada dua iaitu penyelidikan saintifik dan penyelidikan tindakan, Penyelidikan saintifik dilihat sebagai pendekatan utama dalam pendidikan, manakala penyelidikan tindakan dilihat sebagai satu alternatif baru dalam penyelidikan pendidikan masa kini. Walaupun penyelidikan saintifik banyak dijalankan dengan meluas dalam pendidikan, namun terdapat banyak kriikan oleh pakar-pakar penyelidikan tindakan tentang impaknya dalam membantu perubahan dan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Lewin (1946) mengkritik penyelidikan saintifik yang mana menuntut beliau tidak menyumbang kepada perubahan dengan menyatakan *'research that produces nothing but books will not suffice'* (Lewin, 1946: 41). Penyelidikan saintifik yang mana cuba menghasilkan perubahan pada subjek kajian melalui secara langsung dalam penyelidikan tindakan dalam pendidikan mempertikaikan kesan yang dibawa oleh hasil penyelidikan saintifik ke atas amalan pendidikan. Menurut beliau, kesan penyelidikan saintifik adalah minimum disebabkan ketidakupayaan hasil kajian saintifik meyakinkan pihak guru. Guru yang menjalankan penyelidikan tindakan lebih bersedia mengubah amalannya berdasarkan dapatan kajian, berbanding dengan guru yang hanya membaca laporan dan saranan penyelidikan saintifik yang dijalankan oleh pihak lain.

Menurut Brock-Utne (1980), dalam penyelidikan saintifik, guru hanya memainkan peranan sebagai objek kajian. Mereka tidak dilibatkan langsung dalam perancangan penyelidikan, termasuk proses penentuan masalah kajian, yang mana mereka jauh lebih arif daripada penyelidik. Beasley (1981: 376) telah menyenaraikan banyak kelebihan penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh guru sendiri berbanding dengan penyelidikan saintifik. Antaranya, penyelidikan tindakan adalah berdasarkan pengetahuan sedia ada guru yang terkumpul melalui pengalaman sebenar. Ianya member tumpuan kepada isu atau masalah semasa yang dihadapi oleh guru. Penyelidikan tindakan dapat merapatkan jurang antara teori dan amalan. Satu lagi kelebihan penyelidikan tindakan ialah kepantasan penerimaan maklum balas yang memungkinkan tindakan bermakna diambil ke atas situasi kajian.

Banyak kajian telah dijalankan oleh pakar-pakar pendidikan tentang penyelidikan tindakan dan impaknya terhadap guru dan perkembangan profesionalisme keguruan. Dapatan daripada beberapa pengkaji seperti Sironik (1987) dan Joyse (1991) menunjukkan penyelidikan tindakan dapat meningkatkan tahap profesionalisme keguruan. Penyelidikan tindakan menjadikan guru lebih reflektif, meningkatkan kemahiran menganalisis dan menyelesaikan masalah serta dapat mengeratkan lagi hubungan kesejawatan dalam kalangan guru (Bennet, 1993; Calhoun, 1993 dan Thompson, 1996). Penyelidikan tindakan juga dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru dan penyelesaian masalah (Schaefer, 1967; Sirotnik, 1987 dan Joyse, 1991). Di samping itu, menurut Widdowson (1984), penyelidikan tindakan juga dapat meningkatkan kepuasan kerja guru.

Selain daripada itu, Sardo-Brown (1995) dalam kajiannya ke atas enam orang guru yang melaksanakan penyelidikan tindakan mendapati penyelidikan tindakan menjadikan guru lebih efektif, sensitif kepada permasalahan pelajar, lebih faham terhadap amalan pengajaran, dapat meningkatkan amalan komunikasi, mencerap dan memerhati, meningkatkan hubungan guru, murid dan pentadbir serta

menjadikan guru lebih bersikap positif untuk membaca dan mencuba kaedah pengajaran baru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

## **RASIONAL GURU SEBAGAI PENYELIDIK**

Di Malaysia, pelbagai perubahan dan reformasi pendidikan telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa. Rasional utama perubahan tersebut adalah bagi memperbaiki kurikulum khususnya daripada segi mata pelajaran dan kandungannya serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Perubahan atau reformasi dalam pendidikan tidak dapat dielakkan dan merupakan kemestian (Pierce dan Hunsaker, 1996). Manakala kunci mutakhir kejayaan sesuatu perubahan pendidikan dan kemajuan sekolah ialah guru (Fullan dan Hargreaves, 1992; Fullan, 1993).

Dalam tahun 1980-an, isu dalam reformasi sekolah menjadi perdebatan utama. Kebanyakan model dalam reformasi adalah secara *'top-down'* di mana penekanan adalah ke atas pemusatan, kepimpinan dan tanggungjawab birokrasi (Rshcamp dan Roehler, 1992). Kegagalan utama usaha reformasi secara *'top-down'* telah banyak dibuktikan (Goodlad, 1984). Usaha untuk mengubah sebarang bentuk amalan pengajaran di dalam bilik darjah akan hanya berjaya sekiranya guru dapat digerakkan untuk menerima perubahan tersebut sebagai perlu dan mempunyai keinginan untuk mencubanya. Proses ini tidak dapat dilaksanakan dengan semata-mata mengeluarkan arahan, mencetak panduan atau sukatan pelajaran atau mengadakan bahan bantu mengajar yang baru. Ia harus dikaitkan dengan usaha membangunkan guru sebagai seorang yang mempunyai sifat-sifat tertentu. Seperti yang ditegaskan oleh Fullan dan Hargreaves (1992: 22):

*"Knocking down walls, as many open plan schools did in the 1960s and 1970s, is not enough to bring about change. Nor is writing supposedly teacher-proof curriculum guideline-national or otherwise. Teacher can*

*always shut the door and get on with what they want to do anyway. Educational change that does not involve and is not supported by the teacher usually ends up as change for the worse or as no real change at all. In the end, it is the teacher in his or her classroom who has to interpret and bring about improvement”.*

Oleh itu, usaha harus ditumpukan ke arah membangunkan guru sebagai “...*reflective professional (who) recognize that adult development is voluntary*” (Clark, 1992: 77) dan bertanggungjawab terhadap pembangunan dirinya sendiri sebagai guru. Hakikatnya ialah bahawa perubahan atau pembaikan pendidikan adalah proses yang berpusatkan kepada individu (Fullan, 1991 dan 1993) dan individu itu ialah guru. Ramai penulis menegaskan bahawa langkah utama untuk menggalakkan perubahan atau reformasi di sekolah adalah dengan melibatkan guru dalam melaksanakan penyelidikan di dalam kelas atau bilik darjah mereka (Cochran-Smith dan Lytle, 1990; Sardo-Brown, 1990 dan Calhoun, 1993). Polemi (1976) menegaskan bahawa penyelidikan tindakan merupakan katalis kepada perubahan yang efektif. Guru mesti menjadi agen perubahan (Pierce dan Hunsaker, 1996).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, usaha untuk mencapai mutu dan kecemerlangan pendidikan selaras Falsafah Pendidikan Negara, Rukun Negara dan Wawasan 2020 dapat dilakukan dengan lebih efektif lagi sekiranya guru dan pengurus pendidikan mengamalkan ‘*research thinking and orientation*’ dan ‘*research-based decision making*’ dalam tugas harian mereka (Mahpor, 1997). Dalam dekad yang lepas, banyak laporan menekankan kepentingan kemahiran guru dalam kaedah penyelidikan sebagai agen ke atas cabaran tersebut. Joint Rivien of teacher Education yang dilaksanakan di Australia (Commonwealth Schools Commisison and Commonwealth Territory Education Commission, 1986) mencadangkan bahawa teras dalam kursus pendidikan guru harus meliputi pengkajian dalam kaedah inkuiri dan penyelidikan (dalam Vialle et al. 1997). Peranan guru sebagai penyelidik sering kali disalah anggap oleh para guru. Tanggapan salah guru terhadap

penyelidikan pernah disuarakan oleh Darling-Hammond (1985) dengan menyatakan bahawa kebanyakan guru sekolah salah faham tentang peranan mereka dalam penyelidikan pendidikan. Guru-guru itu percaya bahawa penyelidikan adalah tugas pakar pendidikan itu dalam pengajaran. Kepercayaan begini melahirkan suatu suasana pengajaran yang semata-mata bergantung kepada maklumat yang terdapat dalam buku teks.

Pentingnya amalan penyelidikan ini dalam meningkatkan profesionalisme keguruan turut dinyatakan oleh Shitford et al. (1987) yang menegaskan bahawa:

*“.....action research as vehicle for increasing the professionalism of teachers. Through action research, teacher begins to value research and develop a professional culture that values reflection”.*

Penyelidikan tindakan dapat menyumbang kepada pembangunan profesionalisme keguruan (Zuber-Skerritt, 1991). “Sikap kritikal”, “pengamal yang reflektif”, “sikap bertanggungjawab serta penilai sendiri adalah asas kepada perkembangan profesionalisme keguruan. Ahli-ahli profesional adalah bertanggungjawab ke atas tindakan mereka. Oleh itu, melalui penyelidikan dan menyemak semula amalan secara berterusan, guru-guru boleh membuat justifikasi terhadap amalan mereka secara bertanggungjawab selepas melakukan refleksi sendiri dan penilaian sendiri. Amalan ini akan menghasilkan guru yang betul-betul profesional. Melalui amalan penyelidikan tindakan, guru akan berubah daripada teknokrat yang tidak kritikal kepada penyelidikan tindakan yang kritikal.

Penyelidikan tindakan dapat meningkatkan meningkatkan kualiti pendidikan melalui penelitian dengan menggalakan guru menjadi lebih sedar tentang amalan sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk menggubalnya. Mengikut (Stenhouse, 1975), ‘Penyelidikan dan pembangunan kurikulum harus dipunyai oleh guru. Guru perlu memahami asas konseptual

perubahan kurikulum sebelum melaksanakannya secara efisien'. Amalan penyelidikan hanya berlaku mengikut North, S (1987) apabila pengamal mengenal pasti satu masalah, mencari penyebab dan penyelesaian yang mungkin, menguji penyelesaian dalam amalannya, mengesah pencerapan dan menyebarkan dapatan mereka. North berpendapat, inkuiri bukan penyelidikan jika tidak mengikut kaedah kuantitatif secara tradisional. Sebaliknya, Schon (1983, 1987) melihat bahawa inkuiri berlaku apabila pengamal membuat refleksi ketika terlibat dalam tindakan dan seterusnya atas tindakan itu.

Kepentingan penyelidikan tindakan amat dirasai dan beberapa tindakan telah diambil untuk membudayakan guru. Program pendidikan pra-perkhidmatan di maktab dan universiti mengadakan kursus wajib penyelidikan tindakan. Kementerian Pelajaran telah menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan tindakan dengan mengadakan bengkel kursus, seminar tahunan dan penulisan. Beberapa pegawai telah pun dihantar untuk berkursus di luar negara dan telah bertindak sebagai '*key fasilitator*' untuk mengembangkan budaya penyelidikan dalam kalangan guru. Beberapa tokoh telah dijemput dalam beberapa kursus dan bengkel (Jamil, 2001). Satu lagi yang menarik adalah universiti tempatan mula menerima pendekatan dan hasil penyelidikan (kolaboratif) sebagai setaraf dengan penulisan tesis secara tradisi yang berorientasi kuantitatif.

### **DORONGAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN**

Walaupun terdapat guru-guru yang mula menjalankan penyelidikan, tetapi masih ramai guru yang belum membudaya penyelidikan tindakan. Beberapa orang guru menyatakan beban kerja dan faktor masa yang menghalang mereka daripada membuat penyelidikan. Faktor-faktor 'birokrasi' telah menghambat mereka daripada penglibatan tersebut, walaupun mereka berasa mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup. Ada yang menyatakan mereka sedar akan kepentingan penyelidikan tindakan atau membuat refleksi secara sistematik. Terdapat guru yang



pernah membuat dan menyediakan laporan tetapi tidak diteruskan oleh sebab pihak pentadbir mengambil tindakan berat. Golongan ini memerlukan satu bentuk penghargaan sama ada dalam bentuk wang atau peluang kenaikan pangkat untuk menggerakkan mereka. Apabila tidak ada rangsangan luar itu, mereka lebih suka berdiam diri seperti kebanyakan guru lain termasuk golongan yang tidak mahu meningkatkan profesionalisme mereka dalam penyelidikan. Yang paling menarik sekali adalah pernyataan guru-guru yang berpengalaman dalam penyelidikan tindakan.

Ada yang menyatakan mereka membuatnya kerana menganggap sebagai tugas, supaya dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran anak didiknya tanpa memikirkan faktor pengajaran atau sokongan serta pengiktirafan. Umumnya ramai daripada respon itu menyatakan sekolah harus memberi penghargaan kepada guru-guru yang terlibat. Daripada kajian ini, boleh disimpulkan bahawa pihak sekolah, pengetua dan guru-guru lain perlu bekerjasama, saling membantu dan memberi penghargaan terhadap guru yang berikhtiar menjalankan penyelidikan tindakan. Dapatan mereka perlu dihebahkan, bukan hanya menyimpan laporan mereka di celah-celah rak buku di dalam bilik pengetua. Kami dapati juga perubahan sikap guru terhadap budaya penyelidikan sangat penting dan perlu dipupuk amalan refleksi sendiri terhadap pengajaran pembelajaran mereka. Tidak cukup kalau hanya meningkatkan ilmu dan kemahiran penyelidikan tindakan.

### **KONSEP PEMUPUKAN BUDAYA PENYELIDIKAN**

Aktiviti penyelidikan tindakan yang dilaksanakan di Malaysia adalah sebagai agenda utama bagi menerapkan idea guru sebagai penyelidik dalam kalangan guru. Matlamat ini adalah bagi memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan para guru. Secara umumnya budaya dapat ditakrifkan sebagai satu gelagat, kepercayaan, sikap, nilai dan idea yang dikongsi bersama oleh individu dalam sesuatu kumpulan (Ember dan Ember, 1993). Menurut Pettigrew (1979) budaya adalah sistem makna yang

diterima secara umum dan kolektif oleh satu-satu kumpulan pada suatu masa tertentu. Umumnya kita boleh memberi definisi budaya sebagai keseluruhan idea yang diwarisi, kepercayaan, nilai dan ilmu pengetahuan yang membina asas-asas yang dikongsi bersama dalam melakukan tindakan sosial.

Budaya organisasi pula merupakan kepercayaan, jangkaan dan nilai-nilai yang dibentuk dan diperkembangkan oleh sesebuah organisasi hasil daripada pengalaman lampau dan diterima sebagai sesuatu yang baik dan boleh dicontohi oleh ahli-ahlinya (Deal dan Kennedy, 1992). Definisi ini selaras dengan pandangan Busher dan Saron (1992:194) menyatakan:

*The culture of an organization is the summation of the values, attitudes and beliefs which are widely shared amongst most of the people who work in it. It provide the natural way of doing things...*

Manakala budaya penyelidikan adalah merujuk kepada definisi kerja penyelidikan tindakan oleh peserta-peserta “*Symposium on action research*, Brisbane,1989” Zuber Skerritt (1991) menjelaskan definisi, ciri dan matlamat menjalankan penyelidikan tindakan dengan menggunakan akronim CRASP yang bermaksud:

C-Critical collaboration enquiry by

R-Reflective practitioner who are

A-Accountable in making the results of their inquiry public

S-Self evaluative in their practice and engaged in

P-Participative problem solving and continuing professional development

Berdasarkan definisi budaya daripada Busher dan Sharon (1992) dan definisi kerja penyelidikan tindakan serta Model CRASP oleh Zuber-Skerritt (1991) budaya penyelidikan dalam kalangan guru yang cuba dipupuk melalui program penyelidikan tindakan yang merupakan satu kepercayaan dan nilai yang mementingkan kualiti dalam amalan pengajaran dan pembelajaran, akauntabiliti

serta berpegang pada konsep penambahbaikan yang berterusan dalam suasana kerja yang kolaboratif. Guru-guru yang mempunyai budaya penyelidikan ialah guru-guru yang bersikap positif terhadap penyelidikan, celik penyelidikan (research literacy) iaitu mempunyai pengetahuan dan kemahiran penyelidikan. Mereka sentiasa melaksanakan penyelidikan tindakan sama ada secara individu atau kolaboratif, bersifat kritis, reflektif, bertanggungjawab serta berkongsi pengalaman dan dapatan penyelidikan, melakukan penilaian sendiri serta melibatkan diri dalam penyelesaian masalah dan peningkatan profesionalisme. Satu instrumen telah dibentuk untuk mengukur budaya penyelidikan. Budaya penyelidikan dalam kalangan guru dapat diukur berdasarkan konstruk seperti dibawah:

1. Sikap terhadap penyelidikan
2. Pengetahuan tentang penyelidikan tindakan
3. Kemahiran dalam menjalankan penyelidikan tindakan
4. Melaksanakan penyelidikan tindakan secara individu dan kolaboratif
5. Menggunakan dapatan penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran
6. Menyebarkan dapatan penyelidikan
7. Sikap kritikal
8. Sikap reflektif
9. Sikap bertanggungjawab menyebarkan dapatan penyelidikan
10. Menilai sendiri
11. Ikut serta dalam penyelesaian masalah
12. Mengamalkan nilai yang mementingkan kualiti dan penambahbaikan yang berterusan